



**AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
NEGERI SELANGOR  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Lot 2, Solok Sultan Hishamuddin 16  
Bandar Sultan Sulaiman  
42005 PELABUHAN KLANG  
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-31769100  
Fax : 03-31765100

*No. Rujukan : APMM.DM4.100-2/1/1( )  
Bertarikh : 25 Mei 2021*

## **SIARAN MEDIA**

### **26 PATI INDONESIA CUBA SELINAP MASUK SECARA HARAM DITAHAN**

**PELABUHAN KLANG, 25 MEI** – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bersama Polis Gerakan Am Batalion 4 (PDRM) menerusi Op Benteng telah menahan 26 pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Indonesia yang menyelip masuk secara haram melalui persisiran pantai Sungai Janggut, Kapar, Selangor pagi tadi.

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kepten Maritim Mohammad Rosli bin Kassim berkata, telah menerima laporan awam daripada komuniti Sungai Janggut mengenai pendaratan PATI di sekitar ladang sawit Jalan Tambak Jawa, Sungai Janggut, Kapar.

Berikutan itu, Maritim Malaysia Negeri Selangor terus mengatur gerak bot BENTENG 02 bagi meninjau lokasi di sekitar perairan tersebut.

Pada masa yang sama Maritim Negeri Selangor mengatur operasi darat bersama Pasukan Gerak Am Batalion 4 Pos Pantai Remis Kuala Selangor ke lokasi bagi menyerbu dan menahan kumpulan suspek.

Tinjauan darat menemukan seorang PATI sedang bersembunyi di semak berhampiran lokasi pendaratan. Hasil siasatan terdapat ramai lagi PATI yang sedang bersembunyi daripada dikesan oleh penduduk kampung dan pasukan operasi.

Kesemua 26 PATI berjaya diberkas dengan kerjasama penduduk kampung Sungai Janggut.

Berdasarkan pemerhatian dan pengesanan di lokasi, kumpulan PATI ini dipercayai memasuki perairan Malaysia menggunakan bot dari Indonesia dan terus berpatah balik setelah mendaratkan PATI.

Aset Maritim Malaysia yang berada di perairan Selangor telah diarahkan untuk mengesan dan menjejak bot yang dipercayai terlibat di dalam aktiviti kemasukan PATI tersebut.

Kesemua PATI yang ditahan disyaki warga Indonesia, terdiri dari 21 lelaki serta 5 wanita berumur lingkungan 17 hingga 53 tahun dan telah diserahkan kepada PDRM untuk tindakan selanjutnya.

Maritim Malaysia memandang serius terhadap operasi penguatkuasaan di laut dan akan mengambil tindakan tegas kepada setiap penjenayah yang melakukan aktiviti jenayah di sepanjang Zon Maritim Malaysia.

Jika terdapat aduan dan maklumat mengenai sebarang kegiatan jenayah maritim serta kecemasan di laut, sila hubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor di talian 03-31760627 atau National Task Force (NTF) di talian 011-62511223 yang beroperasi secara 24 jam agar tindakan segera dapat diambil.

**KEPTEN MARITIM MOHAMMAD ROSLI BIN KASSIM  
PENGARAH MARITIM NEGERI SELANGOR  
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**

**- TAMAT -**

---

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

LT Dya Maritim Noor Hasni@Idris bin Ismail : 019 257 5279

LK Maritim Muszamzuruddin bin Musa : 012 8247658

Pegawai Perhubungan Awam Maritim Negeri Selangor